



Aktiviti rentas halangan menguji kekuatan fizikal peserta.

# Pelajar UMS jadi perantara masyarakat

BH 24.12.15 v8

**Papar:** Seramai 15 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat manfaat melalui program Semarak Samudera anjuran Sekretariat Permuafakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA) di sini, baru-baru ini.

Program dianjurkan dengan kerjasama Seranta (FELDA) Negeri Sabah dan Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu merupakan satu inisiatif PERSADA UMS dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara.

Penyelia program, Rohani Hadi, berkata objektif utama program berkenaan adalah memberi pendedahan kepada peserta mengenai tanggungjawab menjaga keselamatan dan mengekalkan keharmonian sejagat.

Katanya, peserta juga akan bertindak sebagai perantara untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa mereka perlu sentiasa bersatu

padu dan menjalin hubungan baik antara satu sama lain supaya negara terus aman sampai bila-bila.

## Rentas halangan

“Aktiviti utama adalah merentas halangan secara berkumpulan, titian ikatan dan traper yang ternyata mencabar kekuatan fizikal serta mental peserta.

“Selain itu, anggota PGA Briged Sabah diketualti Pemangku Pegawai Latihannya, ASP Salim Dahlun turut memberi maklumat berguna melalui pameran khas berkaitan keselamatan dan peluang kerjaya dalam PDRM,” katanya selepas majlis perasmian.

Yang turut hadir ialah, Ketua Seranta (FELDA) Negeri Sabah, Asmarah Rikun; Ketua Staff PGA Briged Sabah, Supt Kamaruzaman Ibrahim dan Pegawai Latihan Batalion 16 PGA Briged Sabah, ASP Mohd Rizal Abdullah.

Bekerjasama menempuh halangan.

